

25/12/1997

Sembang Pena cetus suasana sastera

Ahmad Razali Yusof

PADA malam Sabtu, 19 Disember 1997 lalu, Persatuan Penulis Nasional Malaysia (Pena) mengadakan pertemuan yang tidak formal dan santai, bertempat di Dewan Kuliah Akademi Penulis Pena.

Walaupun majlis itu agak santai dan spontan, tetapi ia cukup bermakna. Apa lagi ketika keadaan negara sedang menghadapi kegawatan ekonomi akibat kemerosotan nilai ringgit.

Dalam keadaan demikian, kita sebagai penulis tidak seharusnya meminggirkan diri sehingga melupakan peranan sebagai penggiat sastera dan pengkarya.

Majlis yang memang santai itu, sebenarnya dapat mencetuskan pelbagai pendapat dan fikiran yang kadang-kadang tidak terfikir oleh peserta.

Bercakap secara bebas tidak terkongkong, tetapi mengikut landas yang betul.

Sekiranya tidak dapat memberi jawapan, kita bawa ke lain pertemuan atau dirujuk kepada pihak yang berkenaan.

Sesi pertama malam itu, didahului penyair Sutung Umar RS yang membaca puisi karya Presiden Pena, Datuk Ahmad Sebi Bakar, yang termuat dalam kumpulan Kepada Mahathir.

Kemudian diikuti puisi Baha Zain yang kebanyakannya menggarap mengenai cinta, perempuan dan diri penyairnya, terungkap dalam satu gumpalan idea yang kukuh sehingga kadang-kala seolah-olah mendedahkan nostalgia Baha sendiri.

Turut memeriahkan majlis pada malam itu penyair A Ghafar Ibrahim, Ahmad Razali, Rasanubari Asmaramah, Muhana Suhaimy, Atondra dan A Karim Abdullah.

Sesi kedua, sembang mengenai dunia penulisan kita yang agak malap akibat kurangnya khalayak sastera di dalam majlis pertemuan anjuran badan penulis dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Tercetus juga mengenai majalah Dewan Sastera wadah penting sastera terunggul yang banyak dihiasi gambar Ketua Pengarah DBP, yang sekali gus menggambarkan bahawa karya tidak penting - sebaliknya yang penting penonjolan gambar ketua pengarahnya?

Kini majalah unggul itu pula ditenggelamkan pengendali yang tidak mempunyai jangkauan terhadap dunia sastera.

Berbeza dengan majalah Karya terbitan Utusan Melayu Malaysia Bhd yang banyak menampilkan penulis muda berbakat.

Begitu juga dengan perkembangan bahasa Melayu dan penggunaannya.

Mengenai struktur institusi DBP itu sendiri yang kini agak menimbulkan kecelaruan, terutamanya dari segi konsep dan peranannya dalam memartabatkan bahasa dan sastera Malaysia.

Sembang-semang seperti ini akan terus dilanjutkan setiap setengah bulan sekali, dengan mengatur program yang berbagai, yang tentunya selaras dengan isu semasa.

(END)